



PULAU PINANG

GABUNGAN ANTARA SEJARAH DENGAN SYURGA MAKANAN

Ada yang memanggil Penang, ada juga yang menyebut Tanjung, dan ada juga yang menggelari Pulau Pinang. Tidak kira walau apa-apa jua nama sekalipun, negeri Pulau Mutiara ini sememangnya terkenal dalam kalangan pelancong tempatan, bahkan juga pelancong dari luar negara. Kesannya, Pulau Pinang terpilih sebagai satu daripada 22 destinasi terbaik untuk melancong pada tahun 2022 oleh CNN Travel di samping lokasi pelancongan popular dunia yang lain seperti Finland, Jordan, Chile dan Perancis.

Sering kali penulis bercuti di negara jiran, iaitu Thailand. Yang boleh penulis katakan ialah nama Pulau Pinang cukup terkenal dalam kalangan penduduk Thailand terutama mereka yang berasal dari Selatan Thailand. Penduduk Thailand mengenali Pulau Pinang dengan nama panggilan Pinang (Penang).

Negeri Pulau Pinang juga merupakan antara negeri yang sering dipelajari dalam buku *Sejarah Malaysia*. Hubungannya dengan Singapura dan Melaka menjadikan negeri ini sebagai sebahagian daripada Negeri-negeri Selat yang berada di bawah pentadbiran British suatu masa dahulu serta menjadikannya sebagai sebuah negeri yang cukup unik dan penuh bersejarah hingga hari ini.

Hampir dua tahun penulis tidak menjejakan kaki ke negeri kelahiran Seniman Agung Negara, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sejak pandemik COVID-19 melanda Malaysia. Siapakah yang tidak kenal dengan P. Ramlee? Seniman agung ini telah menghiburkan rakyat Malaysia melalui filemnya sejak berpuluh tahun dahulu. Sewaktu penulis masih kecil hinggalah kini mempunyai dua orang anak, filem P. Ramlee masih lagi disiarkan di kaca televisyen dan tidak jemu ditonton berulang-ulang kali.

Pulau Pinang pada masa dahulu merupakan sebahagian daripada negeri Kedah sebelum diambil oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) dan dijadikan sebagai tanah jajahan mahkota British. Sultan Kedah pada masa itu telah memajukan Pulau Pinang kepada British sebagai balasan untuk mendapatkan perlindungan politik dan ketenteraan daripada pihak British untuk menangkis ancaman dan serangan Siam dan Myanmar.

Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pulau dan Seberang Perai. Negeri ini juga merupakan petempatan British yang pertama di Semenanjung Malaysia. Kapten Francis Light yang dikatakan



Sebahagian daripada badan kereta api lama Bukit Bendera.

sebagai pengasas Pulau Pinang menamakan pulau itu sebagai Pulau Prince of Wales bersempena dengan nama Raja Muda Britain. Petempatan di Tanjung Penaga yang terletak di hujung timur laut Pulau Pinang pula dinamakan sebagai George Town, iaitu bersempena nama Raja George III dari Britain.

Mungkin banyak orang tidak tahu bahawa Kerajaan Malaysia hingga hari ini membayar wang pampasan kepada kerajaan negeri Kedah sebanyak RM10 juta. Mengapakah kerajaan Malaysia perlu membayar wang pampasan tahunan kepada kerajaan negeri Kedah? Pada masa dahulu, Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Muazzam Shah II yang merupakan Sultan Kedah ingin mengambil kembali Pulau Pinang yang telah dipajakkan kepada British setelah mereka gagal membantu Kedah apabila diserang oleh Siam.

Namun begitu, percubaan baginda gagal dan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Muazzam Shah II terpaksa menyerahkan hak Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) dengan bayaran kehormat sebanyak 6000 dolar

Sepanyol setahun. Kemudian jumlah bayaran tersebut dinaikkan kepada 10 000 dolar dengan penyerahan Seberang Perai (Province Wellesley) kepada SHTI. Hingga kini, bayaran itu masih diterima oleh kerajaan negeri Kedah.

Nostalgia Feri

Nama Pulau Pinang diambil daripada nama pokok pinang (*Areca catechu*). Pulau Pinang juga disebut sebagai Tanjung Bidara sebelum dikenali dengan nama Pulau Pinang. Pada masa dahulu, untuk ke Pulau Pinang sebelum pembinaan Jambatan Pulau Pinang, feri merupakan pengangkutan utama dari Butterworth ke bahagian pulau.

Feri membawa kenderaan seperti kereta dan motosikal serta para pejalan kaki. Bagi menjimatkan masa dan menampung jumlah kenderaan yang tinggi masuk ke bahagian pulau, Jambatan Pulau Pinang telah dibina pada tahun 1982 dan dibuka kepada masyarakat mulai September 1985.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan feri yang telah berjasa membawa penumpang dari

Seberang Perai ke bahagian pulau selama 126 tahun telah ditamatkan perkhidmatannya secara rasmi pada 31 Disember 2020. Kini perkhidmatan feri laju hanya digunakan untuk membantu pejalan kaki sahaja, manakala semua jenis kenderaan perlu menggunakan Jambatan Pulau Pinang untuk menyeberangi lautan.

Perkhidmatan feri dari Butterworth ke Pulau Pinang merupakan feri penumpang pertama dan paling tua yang masih beroperasi di negara ini. Perkhidmatan ini bermula buat pertama kalinya pada tahun 1894 dengan mengangkut kenderaan dan banyak orang dari tanah besar ke Pulau Pinang.

Perkhidmatan feri ini diusahakan oleh sebuah syarikat milik adik-beradik, iaitu Quah Beng Kee yang berpangkalan di Pulau Pinang. Pada tahun 1924, perkhidmatan feri ini telah diambil alih oleh Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang. Pada tahun 1956, dua buah jeti baharu, iaitu Pangkalan Raja Tun Uda di Pulau Pinang dan Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dibina.

Kedua-dua buah pangkalan jeti tersebut dirasmikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1959 dan beliau telah menamakan pangkalan baharu di Pulau Pinang dengan nama Raja Tun Uda bersempena nama Gabenor Pulau Pinang yang pertama. Seterusnya beliau menyeberangi lautan dengan feri menuju ke Butterworth dan menamakan pangkalan baharu di situ dengan nama Pangkalan Sultan Abdul Halim, iaitu bersempena dengan nama Sultan Kedah Darul Aman.

Kereta Api Bukit Bendera

Bukit Bendera merupakan bukit peranginan yang tertua di Malaysia. Bukit Bendera terdiri daripada gugusan batu granit yang berada di bahagian tengah Pulau Pinang dan mencapai ketinggian 833 meter dari aras laut di Western Hill. Selain Western Hill, kawasan tanah tinggi lain yang merupakan sebahagian daripada Bukit Bendera termasuklah Bukit Laksamana, Tiger Hill, Bukit Bendera dan Bukit Kerajaan.

Sebenarnya, nama Bukit Bendera merujuk kepada lokasi stesen kereta api bukit pada ketinggian 735 meter dari atas aras laut. Sewaktu zaman penjajahan British, Bukit Bendera digelar sebagai Flagstaff Hill kerana bendera British dikibarkan di sini sebagai tanda isyarat bahawa penghantaran mel telah tiba.

Bukit Bendera telah dibangunkan oleh British kerana mereka ingin mengelakkan suhu yang tinggi di tanah rendah. Menurut sejarah, Kapten Francis Light ialah orang pertama yang membuka jalan ke puncak Bukit Bendera pada tahun 1788. Kemudian perkhidmatan kereta api bukit dibina untuk membawa pengunjung naik ke puncak. Selain kereta api bukit, pengunjung juga boleh mendaki atau menggunakan laluan jip untuk sampai ke puncak.

Kereta api kabel Bukit Bendera adalah dua bahagian kereta api bukit yang mendaki Bukit Bendera. Perjalanan mengambil masa kira-kira setengah jam. Penumpang perlu bertukar kereta api apabila tiba di stesen titik tengah. Sistem kereta api yang berusia 87 tahun itu kini telah digantikan dengan sistem kereta api baharu yang lebih cepat dan selesai pada 22 Februari 2010.

Kereta Api Funikular Bukit Bendera direka bentuk oleh Arnold R. Johnson, seorang jurutera dari Persekutuan Kereta Api Tanah Melayu berdasarkan reka bentuk kereta api di Switzerland. Kereta api funikular tersebut ditarik oleh kabel keluli yang didorong tenaga elektrik dengan kuasa 500 volt. Terdapat sebuah terowong dengan 258 kaki panjang dan kecuraman 27.9 yang merupakan landasan kereta api kabel tercuram di dunia melalui laluan kereta api kabel Bukit Bendera ini. Sebelum ini, tempoh perjalanan mengambil masa selama 30 minit untuk tiba di puncak bukit, namun kini dengan kemudahan perkhidmatan kereta api baharu, masa yang diperlukan untuk tiba di puncak Bukit Bendera adalah kurang dari 10 minit. Bukit Bendera juga telah disenaraikan di bawah Program Manusia dan Biosfera, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), maka menjadikannya sebagai Rizab Biosfera Bukit Bendera.



Kereta api Bukit Bendera.



Mee udang dan char kuetiau antara menu wajib cuba di Pulau Pinang.

The Habitat

Selain keindahan alam semula jadi yang terdapat di Bukit Bendera, pengunjung juga dapat melihat bangunan dengan gaya seni bina kolonial lama. The Habitat merupakan tarikan terbaharu yang boleh dilawati di Bukit Bendera. The Habitat terletak di Hutan Simpan Kekal Bukit Kerajaan di samping terdapat bangunan bersejarah seperti Bel Retiro, Convalescent dan Fern Hill.

Pengunjung juga boleh menikmati keindahan hutan simpan kekal yang berusia 130 juta tahun merentasi denai alam semula jadi sepanjang 1.6 kilometer di The Habitat, Bukit Bendera. Selain bersiar-siar, pelbagai aktiviti lain yang boleh dilakukan di The Habitat termasuklah *langur canopy walk*, *curtis crest tree top walk*, *mandian rimba (forest bathing)* dan *zipline*.

Selain itu, pengunjung boleh berjalan di kawasan The Habitat ini dan tidak akan sesat kerana terdapat banyak papan tanda sebagai panduan. Walau bagaimanapun, untuk mereka yang mempunyai banyak masa lapang bolehlah mengambil pakej "Guded Walk" kerana terdapat banyak perkara menarik yang dapat pelajari oleh pengunjung.

Nikmatilah pengalaman meniti kanopi yang berkepanjangan 230 meter bermula dari lantai hutan hingga berdiri sama tinggi dengan pokok yang menjulang sehingga 40 meter dari lantai hutan. Bahkan Curtis Crest Tree Top Walk pula merupakan sebuah platform puncak pokok 360 darjah penglihatan dengan ketinggian 13 meter yang membolehkan pengunjung melihat keseluruhan pemandangan Pulau Pinang dari puncak dan menjadikannya lokasi tinjau umum yang tertinggi di Pulau Pinang. 📍



Curtis Crest Tree Top Walk.